

**SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN UNTUK PENDAFTARAN  
(KES MAL / PERMOHONAN PENGUATKUASAAN PERINTAH MELALUI  
PENYITAAN DAN PENJUALAN)  
(KOD KES: 411)**

**PENDAFTARAN DI MAHKAMAH TINGGI SYARIAH:  
(Seksyen 160 [Akta 585])**

Setiap **PLIDING** hendaklah **BERTAIP** dan disediakan sebanyak **\*3 SALINAN** termasuklah dokumen seperti butiran di bawah.

| BIL | DOKUMEN YANG DIPERLUKAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | BIL. SALINAN | SEMAKAN PELANGGAN | SEMAKAN MAHKAMAH |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|-------------------|------------------|
| 1.  | Notis Permohonan (Borang MS 3) dan Affidavit (Borang MS 26).                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 3            |                   |                  |
| 2.  | Salinan Kad Pengenalan / MyPR / MyKAS / Passport (Pemohon).<br><br><i><b>Nota: Pemohon berstatus bukan warganegara pemegang Passport hendaklah mengemukakan salinan Visa yang terkini dan Surat Akuan Pengesahan Pemastautinan Tempat Tinggal daripada Imam Kariah/Pegawai Masjid.</b></i>                                                                                     | 3            |                   |                  |
| 3.  | Surat Akuan Pengesahan Pemastautinan Tempat Tinggal daripada Imam Kariah/Pegawai Masjid.<br><br><i><b>Nota: Sekiranya alamat tempat tinggal Pemohon di Kad Pengenalan/dokumen pengenalan diri beralamat di luar kawasan/bidangkuasa Wilayah Persekutuan, dokumen di atas perlu dikemukakan.</b></i><br><i><b>Rujukan: Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 8 Tahun 2019.</b></i> | 3            |                   |                  |
| 4.  | Surat Pengesahan Tempat Tinggal oleh Majikan (Pemohon).<br><i><b>Nota: Bagi Anggota Polis</b></i>                                                                                                                                                                                                                                                                              | 3            |                   |                  |
| 5.  | Surat Pengesahan Tempat Tinggal oleh Majikan <b>DAN</b> Laporan KAGAT (Pemohon).<br><i><b>Nota: Bagi Anggota Tentera/Pasangan.</b></i><br><i><b>Rujukan: Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 1 Tahun 2017.</b></i>                                                                                                                                                              | 3            |                   |                  |
| 6.  | Salinan Perintah / Penghakiman Kes Terdahulu                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | 3            |                   |                  |
| 7.  | Salinan Dokumen Berkaitan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | 3            |                   |                  |
| 8.  | Pengenalpastian Ekshibit (Borang MS 27).<br><br><i><b>Nota: Bilangan salinan hendaklah disediakan mengikut bilangan dokumen-dokumen yang ditandakan sebagai Ekshibit di dalam Affidavit yang diikrarkan.</b></i>                                                                                                                                                               | 3            |                   |                  |
| 9.  | Perintah Kebenaran Pelaksanaan<br><i><b>(Tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dengan jelas dalam Subseksyen 154(1) Akta [585])</b></i>                                                                                                                                                                                                                               | 3            |                   |                  |
| 10. | Borang Pendaftaran.<br><i><b>(Salinan Asal sahaja)</b></i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | 1            |                   |                  |

## **PANDUAN:**

1. Sila sediakan pliding dan dokumen-dokumen di atas dengan lengkap dan jelas sebelum pendaftaran.
2. Penyediaan pliding hendaklah dalam Bahasa Melayu sahaja dan sekiranya pihak-pihak atau salah satu pihak tidak boleh menguasai Bahasa Melayu, pliding hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa lain mengikut penguasaan pihak tersebut (dwibahasa). *(Rujukan S. 232 [Akta 585])*
3. Borang Pendaftaran hendaklah diisi dengan lengkap, kemas, jelas dan mudah untuk dibaca.
4. Setiap salinan pliding dan dokumen hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas putih bersaiz putih A4, tulisan jenis Arial, bersaiz 12 dan berjarak baris 1.15.
5. Setiap pernyataan dalam affidavit yang perlu kepada pembuktian dokumen hendaklah dilampirkan dokumen tersebut sebagai Pengenalpastian Ekshibit secara berasingan (tidak dibenarkan secara kolektif). *(Rujukan : Seksyen 71 dan Seksyen 114 [Akta 585]).*
6. \*Sekiranya bilangan Responden melebihi daripada seorang, salinan pliding/dokumen **perlu** disediakan mengikut bilangan Responden. Manakala sekiranya ibu/bapa Pemohon telah meninggal dunia, setiap pliding/dokumen hendaklah disediakan 2 salinan sahaja. ***(Sekiranya berkaitan)***
7. Permohonan hendaklah didaftarkan oleh **Pemohon/Peguan Syarienya** yang telah berwakalah sahaja.
8. Pendaftaran tidak akan diproses **SEKIRANYA GAGAL** mengemukakan dokumen-dokumen di atas dengan lengkap. *(Rujukan : Seksyen 208 (c) dibaca bersama Seksyen 71 dan Seksyen 114 [Akta 585]).*
9. Dokumen-dokumen **ASAL** hendaklah dibawa bersama semasa **pendaftaran** dan **sebutan/bicara** di hadapan Hakim/Pendaftar.
10. Kos penyediaan pliding, dokumen dan pendaftaran hendaklah ditanggung oleh **Pemohon** atau **Peguan Syarienya**.

## **RUJUKAN :**

### **[Akta 303] :**

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984

### **[Akta 505] :**

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993

### **[Akta 585] :**

Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998

**Pegawai Bertugas** : .....

(Pendaftar)

**Tarikh** : .....